

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: PENYERAHAN KUNCI RUMAH KEPADA KAKITANGAN AUTOMOTIVE  
MANUFACTURERS

TEMPAT: TAMAN PERDANA KAW. PERINDUSTRIAN PERAMU JAYA, PEKAN, PAHANG

TARIKH: 02 NOV 1995

MASA:

Saya mengucapkan tahniah kepada Automotive Manufacturers (Malaysia) Sdn. Bhd. (AMM) kerana menjemput saya untuk merasmikan majlis penyerahan kunci rumah kepada kakitangan AMM. Saya juga mengucapkan tahniah kepada AMM di atas inisiatifnya menyediakan perumahan dalam satu kawasan perumahan berdekatan dengan tempat kerja.

2. Yang lebih penting disamping rumah-rumah yang disediakan setanding dengan rumah-rumah di kawasan perumahan yang dimajukan oleh pemaju perumahan swasta yang lain, AMM juga dapat menawarkan harga yang rendah.

3. Sewajarnya tindakan AMM ini menjadi contoh kepada lain-lain syarikat gergasi yang mampu berbuat demikian. Adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk memelihara kebajikan pekerja dan tempat tinggal merupakan keperluan asas kepada semua orang, khasnya mereka yang datang dari kawasan lain. Banyak masalah dapat diatasi apabila pekerja dan keluarganya mendapat tempat tinggal yang selesa, apatah lagi lengkap dengan segala keperluan asas. Tentunya lebih menguntungkan majikan seperti AMM apabila pekerjanya tinggal di kawasan yang berhampiran dengan tempat kerja.

4. Kemudahan seperti ini sudah tentunya merupakan satu tarikan istimewa yang dapat menggalakkan rakyat tempatan untuk bekerja di sesuatu syarikat. Walaupun selepas sekian lama kita akan anggap kemudahan perumahan oleh majikan sebagai perkara biasa, kita patut ingatkan diri kita bahawa ia sebenarnya adalah satu keistimewaan yang jarang terdapat.

5. Pelancaran kawasan perumahan AMM atau Taman Perdana hari ini merupakan tindakan yang bertepatan dan selaras dengan aspirasi negara. Saya difahamkan kawasan perumahan ini merupakan satu pengiktirafan daripada AMM selaku majikan kepada pekerjanya yang telah memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan syarikat. Ia juga membuktikan komitmen AMM terhadap kebajikan pekerjanya. Dengan itu taman ini menandakan permulaan kepada bandar baru pekerja automotif.

6. Projek perumahan ini juga mencerminkan komitmen AMM untuk membantu dalam program pembangunan. Semua rakyat mempunyai kebolehan untuk maju. Tidak ada halangan sama ada daripada segi fizikal mahupun mental untuk rakyat Malaysia mencapai kejayaan. Yang penting ialah kita perlu mempunyai

keazaman dan usaha untuk melaksanakannya. Semua manusia adalah sama, tidak kira kaum, bangsa atau warna. Jika sesuatu kerja diulang dan diulang, kecekapan tetap akan diperolehi. Inilah suatu nikmat Allah Subhanahu wa Ta'ala.

7. Penduduk Bandar Pekan dan semua rakyat luar bandar harus berbangga dengan usaha AMM yang menyediakan kilang pengeluaran kereta automotif dengan kepakaran tempatan. Lebih membanggakan ialah kereta yang dihasilkan di Pekan oleh penduduk tempatan di Pekan sekarang ini dijual dan digunakan di Britain dan negara-negara lain.

8. Kerajaan sentiasa menggalakkan pertumbuhan perindustrian di kawasan luar bandar sebagai strategi untuk meningkatkan pendapatan rakyat dan mengurangkan pergantungan ke atas pertanian yang tidak menentu. Justeru itu, kejayaan kita menjadikan Malaysia sebagai negara perindustrian banyak bergantung kepada kesanggupan rakyat luar bandar bertindak menyambut cabaran modenisasi.

9. Sekali lagi tahniah diucapkan kepada AMM dengan pelancaran projek perumahan untuk kakitangannya. Sebagai balasan kepada majikan yang mengambil berat ke atas pekerja nya, wajar pulalah bagi tenaga pekerjanya bekerja dengan rajin dan tekun dalam melaksanakan tanggungjawab kerja masing-masing. Demi untuk kepentingan bersama, para pekerja keseluruhannya haruslah bekerja dengan penuh dedikasi dan rasa tanggungjawab.

10. Ditinjau daripada segi etika kerja dan semangat pasukan yang ditunjukkan, pekerja AMM boleh dicontohi oleh pekerja-pekerja dari industri yang sama mahupun industri lain. Sumbangan seluruh tenaga pekerja di AMM telah membantu mencipta kejayaan besar kepada industri automotif tempatan. Usaha ini sudah tentunya dapat membantu negara untuk memainkan peranan dalam bidang automotif dunia dan menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran kereta bagi pasaran negara-negara Asia dan benua-benua lain.

11. Dalam hal ini syarikat-syarikat tidak seharusnya mementingkan keuntungan semata-mata, malahan harus mengimbangi di antara kepentingan perniagaan dengan tanggungjawab sosial mereka. Kemajuan yang kita mahukan adalah kemajuan yang seimbang dengan tidak membelakangkan keharmonian hidup berkeluarga yang mengamal nilai-nilai murni.

12. Akhir sekali, saya mengucapkan syabas kepada AMM yang berjaya maju setapak ke hadapan, mendahului syarikat-syarikat lain dalam industri tempatan apabila ia berjaya menyediakan kemudahan perumahan dalam satu kawasan perumahan yang baik untuk kakitangannya.

13. Semoga usaha murni AMM ini terus diberkati Allah Subhanahu wa Ta'ala dan begitu juga dengan pekerja AMM yang akan menghuni kawasan perumahan ini.

